

## ANALISIS FAKTOR KENDIRI YANG MEMPENGARUHI KECEMERLANGAN PELAJAR DALAM ULUM HADIS

Siti Mursyidah binti Mohd Zin,  
 Hamzah bin Omar,  
 Mohd Norzi bin Nasir,  
 Mohd Asri bin Ishak  
 Hazleena binti Omar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Abstrak

Subjek Ulum Hadis di KUIS adalah antara niche subjek (subjek yang wajib) bagi pelajar-pelajar di KUIS. Pelajar harus memperolehi pencapaian yang baik untuk melangkah ke peringkat seterusnya. Namun, ramai pelajar masih kurang mendapat markah yang memuaskan dalam subjek ini. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya adalah faktor kendiri. Perbezaan Individu (individual differences) adalah perbezaan setiap individu dalam menguasai pembelajaran yang tertentu. Kajian ini berkenaan faktor kendiri yang mendorong pelajar menguasai pembelajaran Ulum Hadis samada di dalam kelas atau di luar kelas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah interview dan di analisis menggunakan kaedah Atlas ti. Hasil kajian mendapat terdapat dua faktor yang menjadi faktor kendiri seorang pelajar di dalam menguasai pembelajaran Ulum Hadis iaitu (i) Motovasi dan (ii) Gaya Pembelajaran . Oleh yang demikian, mengenal pasti dan menguasai faktor kendiri di dalam pembelajaran Ulum Hadis akan membantu untuk meningkatkan kecemerlangan pembelajaran Ulum Hadis.

**Kata kunci:** ulum hadis, gaya afektif, pengajaran dan pembelajaran, faktor kendiri.

### 1.0 PENGENALAN

Subjek Ulum Hadis di KUIS adalah antara niche subjek (subjek yang wajib) bagi pelajar-pelajar di KUIS. Pelajar harus memperolehi pencapaian yang baik untuk melangkah ke peringkat seterusnya. Subjek ini di ajar dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu mengikut kehendak dan hasil pembelajaran yang dikehendaki oleh pihak universiti.

Namun, ramai pelajar masih kurang mendapat markah yang memuaskan dalam subjek ini. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya adalah perbezaan individu pelajar dalam pembelajaran Ulum Hadis. Perbezaan Individu (individual differences) adalah perbezaan setiap individu dalam menguasai pembelajaran yang tertentu. Kajian berkenaan perbezaan individu ini amat meluas dalam kalangan sarjana Barat untuk melihat faktor-faktor yang mendorong pelajar menguasai pembelajaran mereka samada di dalam kelas atau di luar kelas. Menurut Ellis (1995), perbezaan individu mempengaruhi strategi pembelajaran pelajar (SPB). Antara perbezaan individu yang telah didapati dari kajian beliau adalah kepercayaan, gaya afektif dan faktor pelajar itu sendiri.

---

## 2.0 GAYA AFEKTIF PELAJAR

Gaya afektif ialah tindakan refleksi psikologi kita terhadap pembelajaran secara psikologi (Ellis, 1994). Ramai para sarjana yang mengkaji keberkesanan gaya afektif di dalam pembelajaran bahasa kedua ( Oxford, 1990 ; Skehen, 1991 ; Ellis, 1994).

Walau bagaimanapun, ia tidak mudah untuk mengetahui gaya afektif pelajar kerana sifat individualistik dan gaya efektif yang sering berubah dan pelajar bertindakbalas kepada situasi pembelajaran mereka dengan pelbagai cara yang afektif. Perkara ini menyebabkan para sarjana sering mendapat dapatan yang berlainan.

Ellis (1994) telah menyatakan bahawa “kerisauan” sebagai gaya afektif yang mudah untuk diketahui dan membahagikannya kepada tiga bahagian:

- a) Bersifat risau: mempunyai kecenderungan untuk bersifat dengan sifat kerisauan secara kekal
- b) Kerisauan mengikut situasi: kerisauan ini terjadi disebabkan oleh situasi yang tertentu dan kebanyakan pengkaji mengaitkannya dengan percubaan para pelajar untuk mempelajari bahasa kedua dan berkomunikasi dengannya.
- c) Kerisauan mengikut keadaan: kerisauan terjadi sebagai satu tindakbalas kepada perkara yang tertentu seperti debat, peperiksaan dan sebagainya. Ia adalah gabungan daripada sifat risau yang kekal dan kerisauan mengikut situasi.

Kebanyakan pengkaji sering menggunakan dua kata kunci berikut di dalam kajian mereka berkenaan gaya afektif. Kata kunci seperti “apakah penyebab kepada kerisauan?” dan “apakah kesan kepada kerisauan?” sering menjadi topik perbincangan mereka. Kerisauan boleh menyebabkan ketakutan sekaligus memberi kesan yang buruk kepada pencapaian (Arnold, 1999) Walau bagaimanapun, bukan semua kajian berkenaan menunjukkan korelasi yang signifikan antara kerisauan dan pencapaian (Ellis, 1994).

Arnold (1999) turut menambah perencatan ataupun ‘membuat salah’ sebagai salah satu gaya afektif. Bagi beliau, perencatan dalam bahasa merupakan kesalahan yang kita lakukan ketika belajar bahasa terutama bahasa kedua. Menurut beliau lagi, pelajar bahasa tidak harus risau membuat kesalahan ketika mempelajari bahasa.

Oleh itu, kajian ini ingin menjelaskan salah satu daripada gaya afektif pelajar dalam strategi pembelajaran ulum hadis iaitu faktor kendiri. Pengkaji menggunakan metode temubual berfokus dengan penglibatan enam orang responden dan di analisis menggunakan kaedah Atlas ti.

## 3.0 FAKTOR KENDIRI

Faktor kendiri adalah berkaitan dengan faktor individu pelajar, iaitu umur, kebolehan berbahasa dan gaya pembelajaran (Ellis, 1994). Pembelajaran seseorang juga bergantung kepada faktor kendiri mereka sendiri selain dari kepercayaan dan emosi mereka. Berikut adalah faktor kendiri yang mempengaruhi pembelajaran pelajar bahasa:

- 1) Umur : umur ialah faktor yang menentukan perbezaan kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar. Pelajar yang lebih dewasa menggunakan strategi yang berlainan dari pelajar yang lebih muda. Malah kajian juga menunjukkan pelajar yang lebih dewasa lebih cepat belajar bahasa dari pelajar yang lebih muda. (Krashen, Long, & Scarcella, 1979)
- 2) Kebolehan berbahasa: kebolehan berbahasa merujuk kepada tahap kemahiran dan pencapaian pelajar dalam bahasa sasaran. (Ellis, 1994)
- 3) Motivasi: adalah antara faktor yang mempengaruhi PI (Ellis, 1994). Setiap pelajar mempunyai motivasi yang berbeza bergantung kepada objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Motivasi terbahagi kepada empat bahagian iaitu:
  - a) motivasi integratif:  
pelajar bahasa mempunyai dorongan yang terlahir dari faktor dalaman mereka seperti emosi, mental dan kepercayaan.
  - b) motivasi instrumental:  
pelajar bahasa mempunyai dorongan yang terlahir dari faktor luaran mereka seperti persekitaran dan situasi. Gardner & Lambert (1972) turut menyebut kedua-dua jenis motivasi ini dalam kajian mereka.
  - c) motivasi berdasarkan keputusan peperiksaan:  
menurut Ellis (1994), pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan akan terus bermotivasi dan meningkatkan lagi motivasi mereka berbanding pelajar yang lemah dalam keputusan peperiksaan.
  - d) motivasi sebagai satu minat intrinsik:  
menurut Ellis (1994), motivasi ini adalah yang tertua di dalam ilmu psikologi. Motivasi ini bermaksud cara pembelajaran dan perasaan mendorong pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran bahasa.
- 4) Gaya pembelajaran: Gaya pembelajaran ialah kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk belajar (Duckett & Tatarkowski). Setiap pelajar mempelajari dan menggunakan gaya pembelajaran yang tersendiri walaupun guru menggunakan kaedah, pemilihan dan pendekatan gaya yang sama (Conner, 1993).
- 5) Personaliti pelajar: Personaliti pelajar merupakan salah satu faktor kendiri yang kurang jelas perkaitannya dengan PI. Pelajar yang mesra dan peramah dilihat lebih berjaya dalam pembelajaran bahasa terutama yang berkaitan dengan pertuturan.

Taksonomi ini sesuai digunakan untuk mengkaji faktor yang mendorong penguasaan individu pelajar dalam pembelajaran bahasa mereka.

#### **4.0 ANALISIS FAKTOR KENDIRI YANG MEMPENGARUHI KECEMERLANGAN PELAJAR DALAM ULUM HADIS.**

Faktor Kendiri merupakan salah satu faktor pelajar yang mendorong pelajar di dalam pembelajaran ulum hadis. Faktor kendiri ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu : (1)Pencetus Motivasi dan (2) Gaya Pembelajaran .Faktor kendiri yang mendorong pelajar ini boleh dilihat pada jadual berikut:

**Jadual 4.1: Faktor kendiri yang mempengaruhi gaya afektif pelajar dalam pembelajaran ulum hadis**

Tema	Kategori	Bahagian
<b>1.Pencetus Motivasi</b>	Motivasi Dalaman	1. Minat 2. Kesedaran diri
	Motovasi Luaran	Individu rapat: 1. Keluarga 2. Rakan-rakan 3. Masyarakat
<b>2. Gaya Pembelajaran</b>	Persedian Sebelum belajar	1. Belajar sendiri 2. Menghafal
	Persedian selepas belajar	1. Menghafal 2. Merujuk kamus 3. Melihat internet

#### **4.1 Motivasi**

Mok Soon Sang (2003) mengatakan bahawa motivasi berkait rapat dengan pembelajaran dan pencapaian pelajar. Ini selaras dengan dapatan kajian Nur Sofurah Mohd Faiz( 2006) yang menunjukkan pelajar cemerlang mempunyai motivasi yang kuat iaitu suka belajar dengan inisiatif sendiri. Mereka suka dan gembira dengan kehidupan di universiti. Mereka suka mempelajari perkara-perkara baru untuk menambah pengetahuan.

Hamzah Omar (2015) menjelaskan pencetus motivasi adalah perkara, orang atau kumpulan yang mencetuskan motivasi di dalam diri pelajar ulum hadis untuk mempelajari ulum hadis dan menjadi inspirasi untuk pelajar untuk membina kecemerlangan. Pencetus motivasi boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu (i)Motivasi dalaman dan (ii)Motivasi luaran.

##### **4.1.1 Motivasi dalaman**

Motivasi dalaman adalah berkaitan dengan motivasi kendiri pelajar itu sendiri itu. Pelajar berpendapat bahawa faktor utama yang membawa kepada kecemerlangan pembelajaran ulum hadis adalah minat pelajar itu sendiri. Ini boleh dilihat apabila mereka mengakui mereka sangat berminat dengan subjek ulum hadis dan minat telah dijadikan sebagai pendorong dalam pembelajaran ulum hadis:

“subjek yang **paling best** sem ni antaranya subjek ni ah.. sebab memang saya **minat** dalam bab bidang ni.” (GAUH /C6L)

“sebab **memang minat..**” (GAUH /C4P)

Ini kerana minat yang mendalam akan menjadi titik tolak untuk berusaha bagi memperolehi strategi pembelajaran yang baik. Selain itu kesedaran diri pelajar juga boleh dijadikan e-Proceeding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018). 27 December 2018. KUIS, Kajang, Selangor. Organized by Hadith Research Institute (INHAD), International Islamic University College Selangor, MALAYSIA. eISBN 978-967-44741-6-4

motivasi dalaman seseorang pelajar yang mana ia akan membuatkan mereka berusaha untuk meningkatkan pembelajaran ulum hadis dengan lebih baik.

**“tersedarnya ada sifat jahil diri itu ustaz.”** (GAUH /C1L)

**“jadi kita nak lebih ah... nak lebih mahir lagi.. nak lebih memahami lagi.. supaya kita dapat betulkan apa yang salah la..”**  
( GAUH /C3P)

#### **4.1.2 Motivasi luaran**

Motivasi luaran adalah berkaitan dengan dorongan yang datang daripada orang lain. Motivasi dari individu rapat adalah orang yang mempunyai pertalian dengan pelajar sama ada dari kalangan keluarga, raka-rakan dan sebagainya. Individu rapat dapat dilihat pada kata-kata pelajar apabila menyebut secara langsung mereka yang memberi dorongan kepadanya untuk mempelajari subjek ulum hadis dengan baik .

Keluarga terutama ibu sangat memainkan peranan yang penting dalam memberi dorongan kepada pelajar untuk bersemangat ketika mempelajari subjek ulum hadis sekaligus menyumbang kepada kecemerlangan pelajar.

**“kalau saya tak berjaya untuk diri saya, saya kena berjaya untuk mak saya.. banggakan **mak saya..** so, ah.. dia salah seorang **dorongan”**** ( S3/R1)

**“ family tu memang la.. sebab dia orang memang nak salah seorang anak diorang apa tu, dalam keluarga tu ada bahagian agama lahkan.. so, disebabkan saya anak yang last, memang saya lah.** ( S3/R2)

Selain itu kawan-kawan serta masyarakat juga turut memainkan peranan sebagai pendorong kepada motivasi seseorang pelajar. Galakan rakan-rakan yang baik terutama dari kalangan pelajar menyuntik semangat kawan-kawan untuk mempengaruhi gaya afektif pembelajaran ulum hadis.

**“mendorong saya ialah sahabat saya sendiri”** ( S1/R2)

Selain itu, rakan yang mempunyai kelebihan dalam pembelajaran dan selalu menolong pelajar yang lain yang memerlukan pertolongan. Mereka memberikan bantuan dari sudut kefahaman, penerangan untuk kaedah pembelajaran yang lebih berkesan.

**“merujuk kepada kawan-kawan yang disekeliling saya,”**  
( S2/R2)

**“Tanyalah kawan-kawan saya yang lebih arif tentang..”** ( S1/R2)

Tidak dinafikan dorongan dan harapan daripada masyarakat turut memberi motivasi secara tidak langsung kepada pelajar di dalam pembelajaran ulum hadis:

**“saya satu keluarga baru masuk islam.. jadi, saya hidup di kampung.. jadi,**

kalau kampung tu, **takda orang yang tahu pasal hadis.. jadi, saya cuba untuk macam belajar hadis ni..** urm.. banyak dalil yang kita tahu. ( S1/R1)

“pertama, **masyarakat..** ( S2/R1)

#### **4.2 Gaya Pembelajaran**

Gaya pembelajaran ialah kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk belajar (Duckett & Tatarkowski). Setiap pelajar mempelajari dan menggunakan gaya pembelajaran yang tersendiri walaupun guru menggunakan kaedah, pemilihan dan pendekatan gaya yang sama (Conner, 1993).

##### **4.2.1 Persedian Sebelum Belajar**

Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar mengamalkan persedian sebelum belajar dengan kaedah belajar terlebih dahulu dapat membantu di dalam pembelajaran ulum hadis. Ini di buktikan dengan kata-kata daripada pelajar :

“saya akan buka buku nota yang saya dapat daripada ah.. waktu waktu saya belajar tu , kawan saya ada bukakan satu buku ulum hadis.. yang di diterjemah dalam bahasa melayu.. ah lepas tu say abaca la yang tu untuk.. **prepare apa yang ustazah nak ajar**” (S3/R2)

“kitaorang akan kena **bersediakan diri** kitaorang ah.. buat kerja-kerja yang ustazah suruh.. **ataupun baca.. lepas tu untuk faham ah.. subjek tajuk yang usatazah nak ajar..**” ( S3/R1).

##### **4.3.2.2 Persedian Selepas Belajar**

Ulum Hadith juga adalah suatu ilmu yang sukar dikuasai, payah untuk memahirkan diri, mendalam perbicaraannya, dan jauh perbincangannya. Ia juga bukanlah sesuatu yang mudah untuk difahami, tidak senang untuk dipelajari dan tidak semua orang mampu menguasainya (Al-‘awfi, 1997).

Selain itu, pendidikan pada masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya pelajar yang dikelilingi dengan teknologi moden yang sedang pesat berkembang. Ia menuntut pensyarah untuk lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran dengan menggunakan pendekatan yang efektif dan berkesan (Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. 2008). Oleh itu perlunya kajian semasa yang dapat melaksanakan penambahbaikan kaedah pengajaran Ulum Hadith di universiti. Justeru terdapat beberapa kaedah yang dilakukan oleh para pelajar selepas pembelajar ulum hadis iaitu bertanya kepada pensyarah atau kawan-kawan sekelas yang lebih memahami. Ini dibuktikan dengan kata-kata pelajar:

“Tanya dengan **pensyarah.. ataupun kawan-kawan..** ataupun baca buku lagi.” ( S1/R1)

“tak faham lagi, Tanya lagi.. tak faham lagi, **Tanya lagi...** kadang la kena ada la **kawan pula** terang kan.” ( S2/R1)

Cabaran lain adalah penguasaan bahasa pelajar yang lemah (Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun Najuwah. 2014). Adapun kebanyakan kitab rujukan Ulum Hadith adalah di dalam bahasa arab dan menjadi suatu cabaran kepada pelajar untuk memahami dan mendalami Ulum Hadith dengan baik. Mereka perlu memahami setiap perkataan dengan lebih baik. Maka penggunaan kamus dan inernet sangat membantu di dalam pembelajaran Ulum Hadis:

“saya akan check **dekat internet** dulu.. kalau tak berjaya, saya akan cuba cari... cuba cari **kamus.**” ( S1/R2)

“**kamus..**” ( S1/R1)

“kaji dulu dia punya words atau pun cari dia punya.. setiap words **perkataan asal dia..**” ( S1/R2)

Selain itu para pelajar juga mengamalkan kaedah menghafal selepas belajar bagi membantu di dalam penguasaan ilmu ulum hadis kerana subjek ini di ajar di dalam bahasa arab.

“apabila **kita menghafal, dengan hati yang...** bukan kata yang tak berapa baik, kalau hati yang dalamnya ada hasad dengki, ataupun sifat-sifat yang lain ke, so, kalau contoh nak menghafal, mengulang ataupun mempelajari ilmu hadis ni, susah la” ( S2/R2)

“lepas tu, kita **hafal la**” ( S3/R1)

## 5.0 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, hasil kajian mendapati mengenal pasti dan menguasai faktor kendiri di dalam pembelajaran Ulum Hadis akan membantu untuk meningkatkan kecemerlangan pembelajaran Ulum Hadis.terdapat pelbagai cara dan kaedah untuk meningkatkan startegi pembelajaran Ulum Hadis mengikut kesesuaian seseorang pelajar.

## RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education, 1-14.
- Al-‘Awfi Al-Syarif Hatim Bin ‘Arif. 1997. Nasaih Manhajiyyah Li Talib ‘Ilm Al-Sunnah Al-Nabawiyyah. Mekah: Dar ‘Alam Al-Fawaaid. Halaman.25.
- Arnold, J. (1999). Affect in Language Learning. Cambridge: Cambridge University Press.
- Conner, M. L. (1993-2013). What is Your Learning Style? Retrieved 4 28, 2013, from Marcia Conner: <http://marciaconner.com/assess/learningstyle/>

- Duckett, I., & Tatarkowski, M. (-). Learning Styles and Their Application for Effective Learning. Learning and Skills Development Agency.
- Ellis, R. (1994). The Study of Second Language Acquisition. Oxford: Oxford University Press.
- Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. 2008. Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 31(1)
- Hamzah Omar (2015) Pengaruh Perbezaan Individu (PI) dalam Penguasaan Bahasa Arab Pendebat Universiti Awam (UA). Tesis. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2005). Kompenan Linguistik dalam Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Ijazah Tinggi. In H. B. Dahan, Z. Ismail, & M. A. Zailani, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab (pp. 131-136). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang (2003)". Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2". Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed dan Rosfaslizah Zahit. 2006. Seminar TVE'06. Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang – Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran. Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.
- Kamarul Shukri Bin Mat Teh. (2009). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun Najuwah. 2014. Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Di Ipt Malaysia. *Gse E-Journal Of Education Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Vol.1. 2014
- Krashen, S. D. (1981). Second Language Acquisition and Second Language Learning. California: Pergamon Press Inc.
- L. Oxford, R. (1990). Language Learning Strategies : What Every Teacher Should Know. New York: Newbury house Publishers
- Skehen, P. (1991). Individual Differences in Second Language Learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 275-298.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, & Ismaiel Hassanein, A. M. (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues In Education Research*, 9-20